

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendapatan cukai GST yang telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 mengikut :-

(a) negeri-negeri; dan

(b) sektor-sektor industri secara terperinci, contohnya sektor pembuatan, sektor pertanian dan sebagainya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran dibuat dan perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan semata-mata. Selain itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Sehubungan itu, Kerajaan tidak memperincikan kutipan hasil GST berdasarkan negeri tetapi meliputi kutipan di seluruh negara.

Bagi pecahan kutipan GST mengikut sektor utama bagi tempoh 9 bulan iaitu bermula 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015, sektor peruncitan dan pemborongan mencatat peratusan kutipan hasil GST tertinggi, iaitu sebanyak RM6.826 bilion (25.3%), diikuti dengan sektor pembuatan sebanyak RM4.701 bilion (17.4%), sektor pembinaan sebanyak RM2.816 bilion (10.4%), sektor kewangan dan insuran / takaful sebanyak RM1.597 bilion (5.9%), sektor komunikasi dan maklumat sebanyak RM1.551 bilion

(5.7%), sektor profesional, saintifik dan teknikal sebanyak RM1.503 bilion (5.6%), sektor pentadbiran dan perkhidmatan sokongan sebanyak RM1.217 bilion (4.5%), sektor hartanah sebanyak RM1.105 bilion (4.1%), dan sektor penginapan dan penyediaan makanan sebanyak RM1.055 bilion (3.9%).